

TAHAP PERSEPSI DAN KEPRIHATINAN PENSYARAH DAN PEKERJA PEMBERSIHAN IPGKBL TERHADAP AMALAN PENGGUNAAN HIJAU

Murugan a/l Mini Ratamun

Nora Binti Remali

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi dan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) terhadap amalan kepenggunaan hijau. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kepada 25 orang pensyarah dan 25 orang pekerja pembersihan IPGKBL. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sciences (SPSS) versi 18.0. Dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap persepsi yang rendah terhadap amalan kepenggunaan hijau dengan nilai min 2.69 dan mempunyai tahap keprihatinan sederhana terhadap amalan kepenggunaan dengan nilai min 3.45. Min tahap persepsi amalan kepenggunaan hijau pekerja pembersihan ($M=2.86$, $SP=0.67$) adalah lebih tinggi berbanding min tahap persepsi pensyarah ($M=2.51$, $SP=.58$). Walau bagaimanapun min tahap keprihatinan amalan kepenggunaan hijau pensyarah ($M=3.68$, $SP=.52$) adalah lebih tinggi daripada amalan kepenggunaan hijau pekerja pembersihan ($M=3.21$, $SP=.28$). Analisis inferensi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dan tahap keprihatinan amalan penggunaan hijau ($r=.135$, $p<0.05$) dan arah perhubungan ini adalah negatif.

Kata Kunci: kepenggunaan hijau, persepsi, tahap keprihatinan, pensyarah, pekerja pembersihan

PENDAHULUAN

Alam sekitar merujuk kepada unsur-unsur yang wujud dalam persekitaran manusia. Menurut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (*Efluen Perindustrian*) (2009), pencemaran adalah perubahan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada alam sekitar sehingga menimbulkan sesuatu keadaan berbahaya. Rentetan daripada itu, menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS) (2010), Malaysia menghadapi masalah pencemaran alam sekitar akibat daripada kegiatan manusia. Ini telah mendorong peniaga dan kerajaan melakukan satu usaha untuk menjaga alam sekitar dengan mempromosikan produk hijau kepada pengguna (Chen & Chai, 2010). Ini adalah kerana, sesetengah pengguna lebih suka membeli produk konvensional tanpa menghiraukan kesan negatif produk tersebut terhadap alam sekitar (Wong & Yazdanifard, 2015).

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengguna yang menyatakan keinginan untuk membeli produk hijau demi menjaga alam sekitar, namun membatalkan keinginan tersebut setelah memasuki pasar raya (Doszhanov & Ahmad 2015). Ini adalah disebabkan, pengguna mendapati sukar untuk mencari kedai yang menjual

produk hijau dan harga kebanyakan produk hijau adalah mahal. Hal ini selaras dengan kenyataan Syaidatina Akila dan Norazah (2013), iaitu di Malaysia pengguna menghadapi masalah menemui produk hijau dan harga produk hijau yang agak mahal ketika melakukan pembelian di sesetengah pasar raya. Lanjutan itu, niat pembelian produk hijau dalam kalangan pengguna semakin berkurangan apabila pengguna menghadapi kesukaran untuk mendapatkan produk hijau di pasaran di samping harga produk hijau yang agak mahal (Han, Hsu & Sheu, 2010).

Sebenarnya, pelbagai persepsi yang diberikan oleh pengguna tentang produk hijau. Oleh itu, pengguna di Malaysia bersikap sederhana terhadap alam sekitar terutamanya daripada aspek tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau. Hal ini telah menimbulkan kesukaran kepada pemarkas dalam menyusun strategi pemasaran produk hijau yang lebih berkesan disebabkan sikap pengguna yang kurang menitikberatkan kelestarian alam sekitar (Anvar & Venter, 2014). Senario tersebut telah memberikan motivasi kepada pengkaji untuk menjelaskan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) terhadap amalan kepenggunaan hijau. Maklumat didapati menerusi instrumen soal selidik dengan mengenal pasti persepsi dan tahap keprihatinan mereka terhadap amalan kepenggunaan hijau.

DEFINISI OPERASI

Keprihatinan

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2015), keprihatinan membawa makna kesungguhan menunjukkan minat atau perhatian berat pada seseorang atau sesuatu. Contohnya, keprihatinan kepada kebajikan sosial dan kepentingan awam. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada tahap keprihatinan, iaitu kesungguhan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap amalan kepenggunaan hijau.

Amalan

Amalan didefinisikan sebagai sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan atau dikerjakan (Kamus Dewan, 2015). Lantaran itu, amalan dalam kajian ini merujuk kepada perkara-perkara yang sering dilakukan atau menjadi amalan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL membeli barangan kegunaan harian. Hal ini selaras dengan kenyataan Najib Ahmad Marzuki (2007), iaitu amalan ialah sesuatu perkara itu dilakukan secara berterusan dan akan menjadi tabiat. Oleh itu, amalan yang dibincangkan secara mendalam adalah amalan yang berkaitan dengan kepenggunaan hijau.

KEPENGGUNAAN HIJAU

Menurut Zurina dan Norjan (2003), istilah kepenggunaan mempunyai dua makna yang berbeza, iaitu sebagai amalan dan polisi melindungi pengguna dengan menyedarkan mereka terhadap barang yang rosak dan tidak selamat, amalan perniagaan curang, iklan yang mengelirukan dan sebagainya. Takrifan kedua pula, kepenggunaan adalah penggunaan makanan dan barang. Oleh itu, dalam kajian ini,

kepenggunaan membawa makna kegiatan membeli barangan harian oleh pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL untuk menjaga hak dan kepentingan mereka sebagai pengguna. Mohd Hamdan Adnan (2000) menegaskan bahawa kepenggunaan hijau adalah satu pergerakan sosial yang berkaitan dengan tingkah laku pengguna yang mesra alam, iaitu penggunaan produk yang mementingkan pemeliharaan persekitaran, kesaksamaan ekonomi dan juga sosial. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, iaitu mengkaji tindakan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL melalui kuasa perbelanjaan, iaitu enggan membeli keluaran atau perkhidmatan yang bukan mesra alam serta tidak menyokong syarikat-syarikat yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang mencemarkan atau memusnahkan alam sekitar. Tegasnya, amalan penggunaan hijau adalah bertujuan untuk menyelamatkan, memelihara dan memulihara alam sekitar bagi generasi kini dan masa depan dengan menjadi pengguna mesra alam.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti persepsi pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap kepenggunaan hijau.
2. Menenal pasti tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap amalan kepenggunaan hijau.
3. Menghubungkan antara persepsi dengan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan terhadap amalan kepenggunaan hijau.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah persepsi pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap kepenggunaan hijau?
2. Apakah tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap amalan kepenggunaan hijau.
3. Apakah hubungan antara persepsi dengan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap amalan kepenggunaan hijau.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Jamilah, Hasrina, Hamidah dan Juliana (2011), dalam kajian bertajuk 'Pengetahuan, Sikap dan Amalan Masyarakat Terhadap Isu Alam Sekitar' menunjukkan bahawa sikap masyarakat Kuala Lumpur dan Pulau Pinang terhadap alam sekitar adalah negatif. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji berpendapat bahawa sikap dan amalan masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar inilah yang akan meninggalkan impak yang buruk kepada alam sekitar. Ini adalah selaras dengan kenyataan berikut;

“...sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab telah membawa kepada kesan negatif kepada alam sekitar dan seterusnya mempengaruhi kualiti hidup manusia.”

(Jamilah, 2011)

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa semua masyarakat mestilah bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Hal ini selaras dengan kenyataan Eleanor (2006), iaitu penglibatan masyarakat amat penting untuk memastikan usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar itu lebih berkesan. Hal ini demikian kerana, persekitaran adalah ruang yang penting kepada kehidupan komuniti kerana persekitaran yang bersih akan menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa usaha untuk menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab semua masyarakat. Selain itu, menjaga alam sekitar tidak boleh dilakukan secara sendirian (Jamaluddin Md. Jahi, 2005).

Seterusnya, satu kajian tentang persepsi terhadap produk hijau dalam kalangan pengguna telah dijalankan di pantai timur Semenanjung Malaysia oleh Mohd Rafi, Razau dan Nik Rozhan (2003). Hasil daripada dapatan kajian mendapati kesedaran dalam kalangan pengguna yang berpendidikan tinggi terhadap produk mesra alam masih berada pada tahap yang rendah. Tambahan juga, majoriti responden tidak bersedia untuk membayar lebih untuk semua produk mesra alam tetapi hanya sanggup berbuat demikian untuk sesetengah produk hijau. Tegasnya, pengkaji beranggapan bahawa pengguna yang berpendidikan tinggi tidak semestinya akan menggunakan barangan mesra alam dan sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, kajian bertajuk ‘Kefahaman dan Amalan Kepenggunaan Hijau di Kalangan Pengguna Sabah’ yang memfokuskan kepada kesedaran dan amalan pengguna Sabah dalam menggunakan produk dan servis mesra alam juga telah dilakukan oleh Mohd Hamdan dan Diana Demiyah (2018). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran responden terhadap kepenggunaan hijau adalah sederhana. Oleh itu, jelaslah bahawa pengguna dilihat hanya ingin membeli sesuatu produk dan merasai sesuatu perkhidmatan tanpa mengambil kira tentang keselamatan dan kesannya ke atas tubuh badan atau pun persekitaran. Tegasnya, menurut Mazaitul, Umamah dan Er Ah Choy (2015), kesedaran tentang pelaksanaan penjagaan alam sekitar sememangnya masih kurang dan perlu dipertingkatkan lagi supaya dapat memastikan semua warga kampus menjaga alam sekitar daripada terus musnah.

Melalui kajian literatur yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pelbagai kajian telah dilakukan berkenaan tahap keprihatinan terhadap penggunaan produk hijau. Maka, ini membuka ruang kepada pengkaji supaya meneruskan kajian tentang amalan kepenggunaan hijau. Rentetan itu, pengkaji telah membuat kajian bertajuk ‘Tahap Keprihatinan Pensyarah dan Pekerja Pembersihan IPGKBL Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau’. Tegasnya, diharapkan dapatan dalam kajian ini bermanfaat dan dapat diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji seterusnya.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 50 orang yang dibahagikan kepada 25 orang pensyarah dan 25 orang pekerja pembersihan. Menurut Bailey (2006), bilangan yang dipilih untuk pensampelan bertujuan mestilah kaya dengan maklumat untuk kajian yang sistematik. Oleh itu, pengkaji telah memilih bilangan responden kajian berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) dalam Chua (2011).

Berdasarkan, jelaslah apabila populasi pekerja pembersihan seramai 25 orang, responden yang dipilih adalah anggaran 24 orang responden. Oleh itu, pengkaji memilih kesemua pekerja pembersihan, iaitu 25 orang. Responden daripada pensyarah juga adalah bilangan yang sama supaya dapat membuat perbandingan antara dua kategori tersebut secara efisien. Tegasnya, Mason (2002), peserta kajian yang dipilih perlu merangkumi keperluan persoalan kajian dan bersedia untuk bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

Pengumpulan Data (Soal Selidik)

Menurut Akhilar dan Shamsina (2012), pengkaji perlu mengetahui prosedur pengumpulan data untuk menyelesaikan persoalan yang telah dibina. Oleh itu, pengkaji memilih instrumen soal selidik. Ini adalah kerana, instrumen soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan dan merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian (Cohen, Manion & Marrison, 2007). Oleh itu, instrumen soal selidik yang dibina adalah adaptasi daripada Amira Suhaida (2009) yang mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A (maklumat Demografi), bahagian B (Persepsi) dan bahagian C (tahap keprihatinan) yang menggunakan 5 mata dalam menilai maklumat balas responden kajian. Skala likert juga digunakan untuk memberi peluang kepada responden memilih jawapan yang sesuai dengan pendapatnya (Chua, 2011).

Berdasarkan borang soal selidik tersebut, persepsi serta tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau dalam kalangan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL dapat dikesan. Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu membuat kajian rintis. Kajian rintis ini telah dilakukan untuk mendapat nilai kebolehpercayaan instrumen. Hasil analisis, nilai kebolehpercayaan instrumen adalah $\alpha = .893$. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa instrumen soal selidik yang dihasilkan adalah bertepatan dengan objektif dan persoalan kajian. Hal ini selaras dengan kenyataan Wiersma dan Jurs (2005), iaitu soal selidik adalah untuk menjawab soalan kajian supaya kesahan soal selidik tidak terjejas.

DAPATAN KAJIAN

Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferens menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 18.0. Hal ini bagi melaporkan

dapatan persepsi dan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL menggunakan min, kekerapan dan peratus. Oleh itu, min yang ditafsirkan menggunakan interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Jamil (2002) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.66 – 5.00	Tinggi

Jadual 2 adalah latar belakang responden kajian, iaitu seramai 50 orang.

Jadual 2

Profil Demografi Responden

Demografi	Kekerapan	Peratus
<i>Jantina</i>		
Lelaki	18	36%
Perempuan	32	64%
<i>Umur</i>		
19-35 tahun	7	14%
36-45 tahun	18	36%
46-55 tahun	21	42%
55 tahun dan ke atas	4	8%
<i>Kategori</i>		
Pensyarah	25	50%
Pekerja Pembersihan	25	50%
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Kategori: Pekerja Pembersihan		
SPM	24	96%
STPM	1	4%
	0	0%
Kategori: Pensyarah		
Diploma	3	12%
Ijazah	16	64%
Master	6	24%
PHD		

Merujuk jadual 3, 64% responden adalah terdiri daripada perempuan dan 36% adalah lelaki. Besar kemungkinan ini boleh menggambarkan bahawa responden adalah lebih tertumpu kepada wanita, terutamanya dalam proses pembelian runcit dan kegunaan rumah tangga. Hal ini sekali gus berkait rapat dengan amalan

kepenggunaan hijau. Manakala, umur responden tertumpu kepada usia 46-55 tahun. Hal ini bersesuaian kerana menurut kajian Havas Worldwide (2010), pengguna matang telah penat dengan konsep penggunaan melampau ini dan mula inginkan sesuatu yang lebih lestari. Menurut kajian itu lagi, pengguna matang adalah mereka yang baru mula beralih daripada pengguna yang mementingkan kebendaan dan kehendak kepada pengguna yang mementingkan nilai dalam memenuhi keperluan hidup mereka.

Selain itu, kajian ini telah membahagikan responden kepada dua kategori, iaitu pensyarah dan pekerja pembersihan. Hal ini demikian kerana, antara faktor kepelbagaian tahap keprihatinan amalan kepenggunaan hijau dapat dilihat dalam konteks tahap pendidikan responden. Sebanyak 96% peratus responden kategori pekerja pembersihan mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala 64% responden kategori pensyarah mempunyai pendidikan master (Ijazah Sarjana). Tegasnya, demografi responden adalah bersesuaian dengan kriteria yang diperlukan dalam kajian ini.

Persepsi Pensyarah dan Pekerja Pembersihan IPGKBL Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau

Jadual 3 menunjukkan respons pengguna dalam kajian ini terhadap 5 item mengenai persepsi terhadap amalan kepenggunaan hijau. Min keseluruhan yang dicatatkan ialah 2.69. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi yang rendah terhadap amalan kepenggunaan hijau. Walau bagaimanapun, Item 3 mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.06 dengan majoriti responden 22 (64%), menyatakan bahawa mereka sangat setuju, iaitu mereka beranggapan bahawa wang yang dibelanjakan untuk produk hijau adalah berbaloi demi menjaga kelestarian alam sekitar. Tegasnya, hal ini jelas menunjukkan bahawa responden masih mempunyai persepsi yang baik terhadap amalan kepenggunaan hijau.

Jadual 3

Persepsi Pensyarah dan Pekerja Pembersihan

Bil.	Aspek	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	MIN	Tahap
1.	Saya menganggap produk hijau hanya sekadar gimik pemasaran yang bijak.	17 (34%)	13 (26%)	10 (20%)	8 (16%)	2 (4%)	2.30	Rendah
2.	Saya menganggap membeli produk hijau hanya sekadar pembuatan yang mengikut fesyen terkini.	17 (34%)	18 (36%)	12 (24%)	3 (6%)	-	2.02	Rendah
3.	Saya menganggap wang yang dibelanjakan untuk produk hijau adalah berbaloi demi menjaga kelestarian alam sekitar.	3 (6%)	3 (6%)	4 (8%)	18 (36%)	22 (64%)	4.06	Tinggi
4.	Saya beranggapan bahawa membeli produk hijau menyusahkan pembelian.	18 (36%)	16 (32%)	14 (28%)	2 (4%)	-	2.00	Rendah
5.	Saya beranggapan bahawa kos perbelanjaan lebih tinggi apabila menggunakan produk hijau.	14 (28%)	4 (8%)	9 (18%)	12 (24%)	11 (22%)	3.04	Sederhana
MIN KESELURUHAN: 2.69 (RENDAH)								

Terdapat tiga item atau pernyataan yang mempunyai nilai min kurang daripada nilai min keseluruhan. Pertama, responden kurang beranggapan bahawa kos perbelanjaan lebih tinggi apabila menggunakan produk hijau dengan

mencatatkan min 2.00, iaitu majoriti responden 14 (28%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 11 (22%) sangat bersetuju bahawa kos perbelanjaan akan lebih tinggi apabila menggunakan produk hijau. Hal ini selaras dengan kenyataan Mei, Ling dan Piew (2012), iaitu kesukaran yang dihadapi oleh pengguna ketika mencari kedai yang memasarkan produk hijau dan harga yang agak mahal mempengaruhi niat pembelian dalam kalangan pengguna. Tegasnya, usaha harus dibuat bagi memastikan barangan bersifat mesra alam tidak terlalu mahal di jual di Malaysia.

Selain itu, masih ada responden 4 (2%) yang sangat setuju dengan pernyataan 'Saya menganggap produk hijau hanya sekadar gimik pemasaran yang bijak'. Walau bagaimanapun, 17 (34%) responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Akhir sekali, nilai min kedua paling rendah, iaitu mencatatkan nilai min 2.02, 17 (34%) responden sangat tidak setuju dengan pernyataan 'Saya menganggap membeli produk hijau hanya sekadar pembuatan yang mengikut fesyen terkini' dan nilai min 2.00, iaitu seramai 18 (36%) responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan 'Saya beranggapan bahawa membeli produk hijau menyusahkan pembeli'. Tegasnya, masih terdapat responden yang mempunyai persepsi negatif terhadap amalan kepenggunaan hijau.

Tahap Keprihatinan Pensyarah dan Pekerja Pembersihan IPGKBL Terhadap Kepenggunaan Hijau

Jadual 4 menunjukkan tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan. Nilai min keseluruhan bagi 10 item untuk tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan IPGKBL terhadap amalan kepenggunaan hijau adalah 3.45 yang menunjukkan tahap keprihatinan responden hanya berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat dua item yang mempunyai nilai min 3.67 ke atas. Menurut Jamil (2002), nilai min 3.67 dan ke atas menunjukkan tahap keprihatinan yang tinggi. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 3.87 dengan kebanyakan responden 35 (70%) setuju dan sangat setuju dengan pernyataan 'membeli produk yang boleh di kitar semula'. Hal ini menunjukkan bahawa responden prihatin terhadap barangan yang dibeli dan cenderung untuk membeli produk yang boleh di kitar semula. Walau bagaimanapun, masih ada responden 1 (2%) yang tidak setuju dengan pembelian barang yang boleh kita semula. Hal ini selaras dengan kenyataan Mohd Yusop (2003), iaitu terdapat individu yang menyedari mengenai kempen kitar semula namun tidak mempraktikkan amalan kitar semula.

Jadual 4

Tahap Keprihatinan Pensyarah dan Pekerja Pembersihan

Bil	Aspek	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	MIN	Tahap
1.	Membeli tisu tandas yang diperbuat daripada kertas kitar semula.	3 (6%)	6 (12%)	9 (18%)	27 (54%)	5 (10%)	3.50	Sederhana
2.	Membeli produk kertas yang diperbuat daripada kertas kitar semula.	2 (4%)	7 (14%)	13 (26%)	21 (42%)	7 (14%)	3.48	Sederhana
3.	Membeli produk yang dibungkus dalam bekas yang boleh di kitar semula.	-	5 (10%)	21 (42%)	16 (32%)	8 (16%)	3.54	Sederhana
4.	Membawa bekas sendiri (mesra alam) semasa membeli makanan.	2 (4%)	9 (18)	25 (50%)	10 (20%)	4 (8%)	3.10	Sederhana
5.	Tidak membeli produk yang mempunyai pembungkusan yang berlebihan.	-	8 (16%)	26 (52%)	12 (24%)	4 (8%)	3.24	Sederhana
6.	Tidak membeli sesuatu produk jika mengetahui produk itu mempunyai potensi merosakkan alam sekitar.	2 (4%)	6 (12%)	19 (38%)	14 (28%)	9 (18%)	3.44	Sederhana
7.	Meyakinkan ahli keluarga atau kawan supaya tidak membeli produk yang merosakkan alam sekitar.	1 (2%)	16 (32%)	15 (30%)	16 (32%)	2 (4%)	3.04	Sederhana

8.	Membeli produk yang boleh di kitar semula.	-	1 (2%)	14 (28%)	27 (54%)	8 (16%)	3.84	Tinggi
9.	Berusaha untuk membeli produk yang mengandungi kurang bahan pencemar.	-	-	25 (50%)	15 (30%)	10 (20%)	3.70	Tinggi
10	Tidak membeli sesuatu produk jika syarikat yang menjualnya tidak mempunyai tanggungjawab sosial.	3 (6%)	5 (10%)	13 (26%)	18 (26%)	11 (22%)	3.58	Sederhana
MIN KESELURUHAN= 3.45 (SEDERHANA)								

Nilai min kedua tertinggi yang dicatatkan adalah 3.70, iaitu bagi item 9. Separuh daripada responden 25 (50%) bersetuju dan sangat bersetuju untuk berusaha membeli produk yang mengandungi kurang bahan pencemar dan separuh lagi responden 25 (50%) kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini sedemikian kerana, pengguna sebenarnya tidak sepenuhnya sedar mengenai kepentingan untuk mengamalkan barangan mesra alam (Elliott, 2013). Contohnya, dapatan kajian ini mendapati terdapat 3 (6%) responden yang tidak setuju dengan pernyataan 'membeli tisu tandas yang diperbuat daripada kertas kitar semula' dan 2 (4%) sangat tidak setuju dengan pernyataan 'membeli produk kertas yang diperbuat daripada kertas kitar semula'. Tegasnya, tahap keprihatinan responden terhadap amalan kepenggunaan hijau masih perlu dipertingkatkan kerana masih pada tahap sederhana dan ini selari dengan hasil kajian Aini, Fakhru'l-Razi, Lally dan M. Jariah (2003), yang menunjukkan tingkah laku yang mesra alam hanya diamalkan dengan sederhana oleh pengguna.

Seterusnya, kajian ini juga melihat perbandingan persepsi dan tahap keprihatinan antara pensyarah dengan pekerja pembersihan IPGKBL. Bukan itu sahaja, perbandingan antara persepsi responden dengan tahap keprihatinan responden terhadap amalan kepenggunaan hijau juga dapat diukur berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh seperti di bawah:

Perbandingan Antara Persepsi Pensyarah dengan Pekerja Pembersihan Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau

Merujuk Jadual 5, catatan min 2.86 bagi persepsi pekerja pembersihan terhadap amalan kepenggunaan hijau adalah lebih tinggi berbanding pensyarah yang mencatat min 2.51. Hal ini menunjukkan bahawa pekerja pembersihan mempunyai

persepsi yang lebih positif terhadap amalan kepenggunaan hijau berbanding pensyarah. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor persepsi pensyarah dan pekerja pembersihan terhadap amalan kepenggunaan hijau kerana nilai-t adalah 0.067.

Jadual 5

Perbandingan Persepsi Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau Antara Pensyarah dengan Pekerja Pembersihan

Pensyarah			Pekerja Pembersihan		
Bil. responden	MIN	Tahap	Bil. responden	MIN	Tahap
25	2.51	Sederhana	25	2.86	Sederhana
Nilai-t = 0.067					

Berdasarkan Jadual 6, catatan nilai min bagi pensyarah terhadap tahap keprihatinan amalan kepenggunaan hijau, iaitu 3.68 adalah lebih tinggi berbanding pekerja pembersihan yang mencatat min 3.21. Hal ini menunjukkan bahawa pensyarah lebih mengamalkan amalan kepenggunaan hijau berbanding pensyarah. Tegasnya, terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor tahap keprihatinan pensyarah dan pekerja pembersihan terhadap amalan kepenggunaan hijau kerana nilai-t adalah 0.008.

Jadual 6

Perbandingan Tahap Keprihatinan Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau Antara Pensyarah dengan Pekerja Pembersihan

Pensyarah			Pekerja Pembersihan		
Bil. responden	MIN	Tahap	Bil. responden	MIN	Tahap
25	3.68	Tinggi	25	3.21	Sederhana
Nilai-t = 0.008					

Perhubungan antara Persepsi dengan Tahap Keprihatinan Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau Antara Pensyarah dan Pekerja Pembersihan IPGKBL.

Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ($0.135 > 0.05$). Oleh itu, terdapat perhubungan yang negatif antara kedua-dua pemboleh ubah itu. Nilai perhubungan ini adalah kecil jika merujuk Cohen (1988) dalam Khairul, Nik Zulkarnaen, Ahmad Ras dan Fadhilahanim Aryani (2018), koefisien korelasi dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kecil (0.10 hingga 0.29), sederhana (0.30 hingga 0.49) dan tinggi (0.50 hingga 1.00). Ini menunjukkan jika min skor persepsi terhadap amalan kepenggunaan hijau meningkat, maka min tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau adalah berkurangan dan sebaliknya. Hal ini selaras dengan penemuan Zurina dan

Norjan (2003) dan turut disokong oleh Wahida, Hamidi & Tuan Rokiyah (2004), yang menyatakan bahawa kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar dan kesedaran bahawa alam sekitar perlu dipelihara telah meningkat dalam kalangan masyarakat, tetapi tahap penglibatan individu dalam aktiviti-aktiviti pemeliharaan alam sekitar masih di peringkat yang rendah. Tegasnya, hal ini menunjukkan bahawa persepsi dan tahap keprihatinan responden terhadap amalan kepenggunaan hijau tidak selari.

Jadual 7

Perbandingan Antara Persepsi dengan Tahap Keprihatinan Terhadap Amalan Kepenggunaan Hijau


Kolerasi		Min bagi persepsi	Min bagi tahap keprihatinan
Min bagi Persepsi	<i>Perason correlation</i>	1	-.214
	<i>Sign. (2-tailed)</i>		.155
	N	50	50
Min bagi tahap keprihatinan	Pearson Correlation	-.214	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.135	
	N	50	50

Oleh itu, berdasarkan kepada ujian analisis ini, dapat disimpulkan bahawa tahap persepsi yang tinggi dalam diri pensyarah dan pekerja pembersihan tidak memberi impak yang kuat terhadap tingkah laku mesra alam sekitar, iaitu tahap keprihatinan terhadap kepenggunaan hijau. Ini bermakna walaupun pensyarah dan pekerja pembersihan mempunyai pemikiran yang positif terhadap kepenggunaan hijau, tidak semestinya mereka akan mengamalkan tingkah laku mesra alam sekitar dalam kehidupan seharian mereka seperti mementingkan barangan hijau semasa membeli barangan harian.

PERBINCANGAN

Kurangnya Pengetahuan Terhadap Alam Sekitar

Rajah 1 menunjukkan Model awal tingkah laku Kollmus dan Agyema (2002) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan linear antara pengetahuan, kesedaran dan sikap serta tingkah laku terhadap alam sekitar yang dinyatakan dalam model tingkah laku pro-alam sekitar. Oleh itu, masyarakat yang mempunyai berpendidikan tinggi kebiasaannya akan lebih cenderung untuk prihatin terhadap amalan kepenggunaan hijau kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan dan kesedaran serta memahami akan implikasi negatif jika tidak mengamalkannya. Hal ini selaras dengan dapatan kajian, iaitu pensyarah memiliki tahap keprihatinan yang tinggi terhadap amalan kepenggunaan hijau berbanding pekerja pembersihan.



Rajah 1. Model Awal Tingkah Laku Pro-alam Sekitar (Koomuss & Agyeman 2002)

Dengan erti kata lain, pekerja pembersihan kurang prihatin terhadap amalan kepenggunaan hijau adalah kerana kurangnya pengetahuan tentang kepenggunaan hijau. Hal ini selaras dengan kenyataan Jamaluddin (2001), iaitu, pengetahuan mengenai alam sekitar merupakan asas bagi mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran terhadap alam sekitar, dengan itu akan dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih beretika. Berdasarkan dapatan kajian, antara perbuatan responden yang tidak beretika terhadap alam sekitar adalah majoriti responden tidak membeli tisu tandas yang diperbuat daripada kertas kitar semula dan tidak membeli produk kertas yang diperbuat daripada kertas kitar semula. Tegasnya, kurangnya pengetahuan terhadap alam sekitar akan memberi impak yang negatif terhadap amalan kepenggunaan hijau di Malaysia sehingga masyarakat Malaysia tidak mempunyai kesedaran apabila membeli barangan yang bukan mesra alam.

Sehubungan dengan itu, pendidikan adalah cara terbaik untuk membentuk generasi yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar terutamanya berkenaan amalan kepenggunaan hijau. Hal ini demikian kerana, menurut Aini, Nurizan dan Fakhru-Razi (2007), matlamat pendidikan alam sekitar adalah untuk membentuk masyarakat yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar serta meningkatkan ilmu pengetahuan ke arah penyelesaian isu tersebut. Tegasnya, tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau juga dapat ditingkatkan apabila masyarakat mendapat ilmu melalui pendidikan alam sekitar.

Kurang Hebahan Daripada Pihak Pemasaran

Pemasaran adalah satu proses merancang dan melaksanakan konsep, peletakan harga, promosi dan pengedaran sesuatu idea, barangan dan perkhidmatan untuk mewujudkan pertukaran yang memenuhi objektif individu dan organisasi (Rohaya Abdullah, 2007). Oleh itu, hal ini jelas membuktikan bahawa pemasaran mempunyai tanggungjawab utama untuk mempengaruhi amalan kepenggunaan hijau. Punca kurangnya hebahan atau pemasaran yang tidak cekap oleh pihak pemasaran produk hijau akan mengurangkan kadar pembelian dan penggunaan barangan hijau. Hal ini sekali gus akan mempengaruhi tahap keprihatinan amalan kepenggunaan hijau dalam kalangan pengguna.

Lebih-lebih lagi, terdapat responden yang beranggapan bahawa produk hijau hanya sekadar gimik pemasaran yang bijak. Oleh itu, pihak pemasaran perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan persepsi pengguna terhadap produk hijau adalah sebaliknya. Contohnya, peniaga juga perlu mengurangkan harga produk hijau kepada yang mampu dibeli oleh majoriti pengguna dan bukannya mengambil kesempatan terhadap kepercayaan yang diberikan oleh

pengguna. Hal ini demikian kerana, majoriti responden sanggup tidak membeli sesuatu produk jika syarikat yang menjualnya tidak mempunyai tanggungjawab sosial. Tegasnya, menurut Zurina dan Norjan (2003) bahawa kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat kita terlalu minima tetapi masih peka kepada isu-isu alam sekitar terutama yang hampir dengan mereka.

Rentetan dengan itu, pihak peniaga perlulah mempromosikan produk hijau dengan lebih giat melalui media massa terutama media cetak dan elektronik. Hal ini demikian kerana, berdasarkan dapatan kajian, persepsi responden masih positif terhadap pembelian produk hijau. Contohnya, responden beranggapan bahawa wang yang dibelanjakan untuk produk hijau adalah berbaloi demi menjaga kelestarian alam sekitar. Oleh itu, pihak peniaga perlulah mengambil peluang ini dengan memastikan produk hijau dikeluarkan dengan lebih proaktif dan mendidik pengguna tentang kepentingan untuk menggunakan produk hijau. Hal ini demikian kerana, dengan membeli bahan-bahan atau produk-produk hijau yang dapat digunakan semula, kita dapat mengurangkan jumlah tenaga yang diperlukan untuk pengestrakan, pengangkutan dan pemprosesan bahan asli (Syaidatina Akila & Norazah, 2013). Tegasnya, kesan promosi dan kempen hijau oleh pihak kerajaan, pemarkas dan media massa bakal menentukan sama ada pengguna bermotivasi untuk membeli produk hijau atau sebaliknya (Mei, Ling, & Piew, 2012).

RUMUSAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini mendapati responden mempunyai persepsi yang rendah dan tahap keprihatinan yang sederhana terhadap amalan kepenggunaan hijau. Dapatan kajian ini juga mendapati kategori responden yang memiliki persepsi terhadap amalan kepenggunaan hijau yang lebih tinggi adalah pekerja pembersihan. Manakala, kategori responden yang mempunyai tahap keprihatinan yang lebih tinggi terhadap amalan kepenggunaan hijau adalah pensyarah. Oleh itu, analisis kajian ini mendapati secara keseluruhannya pengguna mempunyai persepsi yang negatif terhadap produk hijau. Tidak ada perkaitan yang positif dan signifikan di antara persepsi dan tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau dalam kalangan pensyarah dan pekerja pembersihan.

Walaupun tahap keprihatinan yang sederhana terhadap alam sekitar dalam kalangan responden masih boleh dipertingkatkan sejajar dengan inisiatif pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan persepsi dan tahap keprihatinan terhadap amalan kepenggunaan hijau. Contohnya, mendedahkan ilmu alam sekitar sejak dari kecil dan pihak peniaga serta kerajaan membuat hebahan yang hebat untuk menarik perhatian pengguna supaya membeli produk hijau. Tegasnya, banyak lagi langkah-langkah yang boleh diambil supaya kepenggunaan hijau dapat menjadi amalan harian pengguna.

RUJUKAN

Akhbar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2015). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Selangor Darul Ehsan: Sasbadi Sdn. Bhd.

- Aini, M. S., Fakhru'l-Razi A., Lally H. P. dan M. Jariah. (2003). *Environmental Concerns, Knowledge And Practices Gap Among Malaysian Teachers*. International Journal of Sustainability in Higher Education 4(4): 305-313. Diakses dari <http://miranda.emeraldinsight.com/vl=3926609/cl=14/nw=lfm=docpdf/rpsv/cw/mcb/14676370/v4n/sl/P305>.
- Aini, M.S., Nurizan, Y. & Fakhru-Razi, A. (2007). *Environmental comprehension and practices of Malaysian youth*. Journal of Environmental Education Research, 13 (1): 17-31.
- Amira Shuhaida Zainuddin. (2009). *Kecerdasan Emosi dan Sikap Pembelajaran Ekonomi Asas serta Implikasinya Terhadap Pencapaian: Kajian di Daerah Kemaman*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anvar, M. and Venter, M. (2014). *Attitudes and Purchase Behavior of Green Products among Generation Y Consumers in South Africa*, *Mediterranean Journal of Social Sciences (online)*, 5(21), pp. 183-194. Available at: <http://www.mcses.org/journal/index.php/mjss/article/viewFile/4101>.
- Bailey, R. (2006). *Physical Education and Sport in Schools: A Review of Benefits and Outcomes*. Journal of School Health, 76, 397-401.
- Chen & Chai. (2010). *Attitude Towards The Environment And Green Products: Consumers' perspective* Management science and engineering. 4 (2) (2010), pp. 27-39.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Mc graw Hill Education.
- Cohen, J., Lawrence Manion & Keith Marrison. (2007). *Research Method in Education, Seventh Edition*. Francais and Taylor Group, London: Routledge.
- Doszhanov, A., & Ahmad, Z. A. (2015). *Customers' intention to use green products: The impact of green brand dimensions and green perceived value*. In SHS Web of Conferences (Vol. 18). EDP Sciences.
- Eleanor Wong. (2006). *Public participation in environmental planning and the preparation process of local plans*. Paper presented at 4th. Kota Kinabalu: Sabah-Sarawak Environmental .
- Elliott, R. (2013). *The taste for green: the possibilities and dynamics of status differentiation through "green" consumption*. Sci Verse ScienceDirect, ELSEVIER, vol. 41, pp. 294-322.
- Han, H., Hsu, L.-T., & Sheu, C. (2010). *Application of the Theory of Planned Behavior to Green Hotel Choice: Testing the effect of environmental friendly activities*. Tourism Management, 31(3), 325-334.

- Havas Worldwide. (2010). *Promotional Culture and Convergence*: London: Markets, Methods, Media.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS). (2010). *Laporan Kualiti Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar: 80*.
Diakses daripada <https://enviro.doe.gov.my/ekmc/digital-content/87140/>.
- Jamaluddin Md. Jahi. (2001). *Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Md. Jahi. (2005). *Alam Sekitar Fizikal: Pendekatan, Kepentingan dan Impaknya Terhadap Manusia*. Persidangan Pendidikan Geografi/Sejarah 2005, anjuran Jabatan Pelajaran Terengganu. Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu, 19-21 Jun.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamilah, Hasrina, Hamidah dan Juliana. (2011). *Pengetahuan, Sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia Terhadap Isu Alam Sekitar*. Nota Penyelidikan: Akademika 81(3): 103-115.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar Mat Daud, Nik Zulkarnaen Khidzir, Ahmad Ras Ismail dan Fadhilahanim Aryani Abdullah. (2018). *Validity and reliability of instrument to measure social media skills among small and medium entrepreneurs at Pengkalan Datu River*. International Journal of Development and Sustainability, 7(3), 1026-1037.
- Kollmuss, A., & Agyeman, J. (2002). *Mind the gap: Why do People Act Environmentally and What Are The Barriers To Pro-Environmental Behavior?* Environmental Education Research, 8(3), 239–260.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching. 2nd Edition*. London: Sage Publications.
- Mazaitul Shima Mazlan, Shahirah Umamah Abdul Mutalib dan Er Ah Choy. (2015). *Faktor Sikap Pelajar dalam Peningkatan Tahap Kelestarian Kampus: kajian kes Universiti Kebangsaan Malaysia*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 11 (8). pp. 52-65. ISSN 2180-2491.
- Mei, O.J., Ling, K.C., & Piew, T.H. (2012). *The antecedents of green purchase intention among Malaysian consumers*. Asian Social Science, 8(13), 248-263.
- Mohd Hamdan Adnan. (2000). *Memahami Kepenggunaan*. Petaling Jaya: Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA).

- Mohd Hamdan Adnan dan Diana Demiyah Hamdan. (2018). *Kefahaman dan Amalan Kepenggunaan Hijau Di Kalangan Pengguna Sabah dan Peranan Komunikasi*. Jurnal Komunikasi Borneo vol 6.
- Mohd Raf'I, Razau dan Nik Rozhan. (2003). *Perceptions of Educated Consumers on Environmentally Friendly Products in The East Coast of Peninsular Malaysia*. Malaysian Journal of Consumer and Family Economics 6: 42-49.
- Mohd Yusop Abd. Hadi. (2003). *Measuring the Infusing of Generic Skills in Teaching Process as an Effort to Develop Workers Skills Upon Students: A Case Study Among the Educators*. Proceedings 2nd International Conference on Measurement and Evaluation in Education (ICMEE). Universiti Sains Malaysia.
- Najib Ahmad Marzuki. (2007). *Personnel management Psychology, Industrial Interpersonal Relations*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian). (2009). *Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Rohaya Abdullah. (2007). *Usaha Majlis Perbandaran Alor Gajah dalam Menggalakkan Perniagaan Sektor Tidak Formal di Bandar Baru Masjid Tanah, Alor Gajah Melaka*. Latihan Ilmiah, Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geo informasi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Syaidatina Akila, M.A. & Norazah, M.S. (2013). *Consumers' intention to purchase green product: Insights from Malaysia*. World Applied Sciences Journal, 22(8), 1129-1134.
doi:10.5829/idosi.wasj.2013.22.08.616.
- Wahida Ayob, Hamidi Ismail & Tuan Rokiyah Syed Hussain. (2004). *Sokongan dan Penglibatan Masyarakat Ke arah Pemantapan Pengurusan Alam Sekitar Mampan*. Seminar Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2005). *Research Method in Education on Introduction*. Ed kelapan. Boston: Pearson
- Wong, A. and Yazdanifard, R. (2015). *The Review of How Sales Promotion Change the Consumer's Perception and Their Purchasing Behavior of a Product*: Global Journal of Management and Business Research: E-Marketing, Vol. 15 No 1. Available at: https://globaljournals.org/GJMBR_Volume15/4-The-Review.pdf.
- Zurina Mahadi & Norjan Yusof. (2003). *Kesedaran Alam Sekitar: Tinjauan Awal di kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.